

**PAS nafi Nik Abduh hadir ke Himpunan Rakyat Bersatu
Astro Awani
September 16, 2015
Oleh Mariah Ahmad**

Dalam satu pesanan ringkas pada petang Rabu, PAS memaklumkan bahawa Nik Abduh (gambar) dalam penerbangan pulang ke Kota Bharu dari Terengganu.

KUALA LUMPUR: PAS menafikan kehadiran Ketua Pemudanya, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz ke Himpunan Rakyat Bersatu di Padang Merbok.

Dalam satu pesanan ringkas pada petang Rabu, PAS memaklumkan bahawa Nik Abduh dalam penerbangan pulang ke Kota Bharu dari Terengganu.

"Nik Abduh tidak hadir ke himpunan merah (Himpunan Rakyat Bersatu) sebentar tadi. Beliau berada di Kedah dan mengambil penerbangan ke Pulau Pinang ke Kota Bharu untuk pulang sebentar tadi," menurut pesanan itu.

Ketika perhimpunan petang tadi, penganjur berulang kali mengumumkan kehadiran Ahli Parlimen Pasir Mas itu menerusi sistem siar raya pada acara itu yang dianjurkan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka)

© 2015 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pas-nafi-nik-abduh-hadir-ke-himpunan-rakyat-bersatu-73531>